

Kemahiran insaniah bukan aksesori



Bersama
**Prof Madya Dr
Md Asrul Nasid
Masrom**

su pengangguran dalam kalangan graduan di Malaysia pada awal 2026 ini bukan sebuah hikayat baharu yang mengejutkan, namun ia kekal menjadi duri dalam daging bagi pembangunan modal insan negara.

Walaupun pelbagai inisiatif ekonomi dilancarkan, jurang antara jumlah graduan yang keluar dari menara gading dengan ketersediaan peluang pekerjaan yang berkualiti masih menjadi polemik yang tidak berkesudahan.

Persoalan besar yang sering bermain di bibir masyarakat adalah adakah sistem pendidikan kita sudah hilang taringnya atau pasaran kerja kita yang semakin sempit dan terlalu menuntut dengan pelbagai permintaan.

Namun, jika kita menyelami masalah ini dengan lebih mendalam, jawapannya memerlukan kita melihat peranan besar Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang tidak pernah lelah memastikan kualiti akademik, sambil pada masa sama menuntut mahasiswa lebih berani menonjolkan diri di persada global.

Dalam hal ini, peranan KPT sangat signifikan sebagai penjaga gawang kualiti pendidikan negara. KPT melalui Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) sentiasa memastikan setiap program pengajian yang ditawarkan universiti awam mahupun swasta tidak sekadar menjadi kilang mencetak sijil, tetapi mematuhi standard kualiti yang ketat.

Usaha KPT dalam memperkenalkan program pemacu kebolehpasaran menunjukkan bahawa kementerian sangat komited dan tidak melepaskan tangan untuk memastikan graduan tidak hanya keluar dengan sekeping kertas, tetapi dengan ilmu yang boleh dipraktikkan kepada industri dan komuniti.

Ke arah pembentukan mahasiswa seimbang

Jika kita menoleh ke negara jiran terdekat, Singapura misalnya, pendekatan mereka sangat berpaksikan kepada konsep ketangkasan mental melalui inisiatif *Skills Future*.

Di sana, mahasiswa dididik

supaya tidak menjadi seperti katak di bawah tempurung yang hanya bergantung kepada nota kuliah semata-mata. Universiti di Singapura mengintegrasikan elemen industri secara langsung, sesuatu yang kini giat dilaksanakan KPT melalui program seperti zuzi iaitu dua tahun di universiti dan dua tahun di industri.

Graduan Singapura sangat mahir dalam seni 'menjual diri' kerana mereka melihat ijazah sebagai permulaan untuk terus belajar. Hal ini selari dengan visi KPT yang mahukan mahasiswa kita mempunyai minda pembelajaran sepanjang hayat supaya mereka tidak ketinggalan apabila teknologi berubah dengan pantas.

Beralih pula pandangan ke Australia, model pendidikan mereka menekankan konsep Pembelajaran Bersepadu Kerja atau *Work-Integrated Learning*.

Mahasiswa di sana didedahkan dengan realiti dunia kerja yang sebenar melalui projek industri yang mandatori, yang mana aspek ini turut diperkasakan oleh KPT melalui kolaborasi strategik dengan syarikat multinasional.

Di United Kingdom (UK) pula, tradisi pendidikan mereka sangat mementingkan pemikiran kritis dan kebolehan berkomunikasi dengan penuh keyakinan.

Melalui budaya rekrutmen yang kompetitif, mahasiswa di UK dilatih untuk memiliki jati diri yang kuat dan seni menjual diri yang profesional. Mereka memahami bahawa dalam dunia

korporat, mereka perlu berani tampil ke hadapan untuk memasarkan potensi diri kerana 'jika tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya.'

Di Malaysia, KPT melalui pelbagai program pemantapan sahsiah dan kepimpinan mahasiswa berusaha untuk menyuntik keberanian yang sama. Bukan itu sahaja, KPT juga mahu graduan kita mempunyai daya saing tinggi supaya mereka tidak hanya mampu bekerja di dalam negara, tetapi juga layak berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan bakat global di persada dunia misalnya di Sydney, London atau New York.

Kemahiran insaniah mata wang paling mahal

Dalam mendepani 2026 yang penuh cabaran Kecerdasan Buatan (AI), kemahiran insaniah kini menjadi mata wang yang paling mahal nilainya. Tugasan teknikal kini boleh dilakukan mesin, namun sifat kemanusiaan seperti empati dan kebijaksanaan berunding tidak mungkin dapat diganti oleh algoritma.

Graduan kita perlu sedar bahawa kemahiran insaniah bukan sekadar aksesori, tetapi ia adalah nyawa bagi kerjaya mereka.

Seseorang graduan mungkin mempunyai CGPA yang cemerlang, namun jika mereka tidak mempunyai budi pekerti yang baik, mereka hanya akan menjadi seperti perhiasan semata-mata.

KPT sentiasa menekankan

kualiti graduan yang seimbang dari segi intelek dan akhlak, supaya mereka menjadi modal insan yang kamil dan berguna kepada nusa dan bangsa.

Satu lagi aspek yang menjadi fokus utama adalah ketidakmampuan sebilangan graduan untuk menjual diri (*self marketing*) secara profesional.

KPT melalui pusat kerjaya di setiap universiti sudah menyediakan pelbagai latihan penjenamaan peribadi, namun mahasiswa perlu menyambut seruan ini dengan proaktif.

Menjual diri bukan bermaksud riak, tetapi ia adalah keperluan untuk menunjukkan nilai unik diri kepada majikan. Graduan perlu belajar bagaimana menceritakan impak sumbangan mereka dengan meyakinkan.

Jangan menjadi seperti pahat dengan penukul, hanya bergerak apabila diketuk. Sebaliknya, graduan perlu mempunyai visi jelas mengenai bagaimana mereka boleh menyumbang kepada organisasi, seperti yang ditekankan dalam agenda pemerkasaan mahasiswa oleh kementerian.

Apa yang dapat disimpulkan, isu pengangguran ini memerlukan komitmen padu daripada semua pihak. KPT akan terus menjaga kualiti program dan pelajar agar sentiasa berada pada tahap tertinggi, selari dengan standard antarabangsa.

**Penulis Dekan Fakulti
Pengurusan Teknologi dan
Perniagaan, Universiti Tun
Hussein Onn Malaysia
(UTHM)**

dialog kotaraya oleh yon

